

19 AUG 1997

RINGGIT MUNGKIN DISERANG LAGI

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Ringgit, yang telah bertahan pada paras 2.79, mungkin diserang sekali lagi, kata para peniaga.

Menurut mereka pasaran akan menguji paras 2.85 selepas ia mencecah paras rendah 2.8060 pada tengah hari, hari ini.

Ringgit sedang menghadapi tekanan, sama seperti mata wang Asia Tenggara yang lain sejak Mei tahun ini, yang mengakibatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempersalahkan George Soros, seorang pengurus dana Amerika Syarikat, yang menyebabkan huru-hara matawang itu.

Pada tengah hari Jumaat lepas, ringgit jatuh ke paras rendah 2.8210, yang paling rendah dalam sejarah sejak ringgit diapungkan dalam 1973.

Ringgit mengalami susut nilai 13 peratus berbanding dolar Amerika dalam sebulan lalu sahaja.

Kerajaan telah menyatakan bahawa ia akan membiarkan kuasa pasaran menentukan tahap ringgit/dolar. -- BERNAMA

YY SIA